

23 JUN 1996  
Gerakan-Sabah  
TIADA TINDAKAN TERHADAP KONG, KATA DR LIM

KUALA LUMPUR, June 23 (Bernama) -- Gerakan hari ini melahirkan rasa kesal terhadap wakil rakyatnya untuk kawasan Kudat, Datuk Kong Hong Ming kerana tidak mengundi semasa pindaan undang-undang negeri bagi mengurangkan kuasa Ketua Menteri Sabah tetapi berkata tiada tindakan akan diambil terhadap Kong, naib presiden parti.

Presiden parti Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata walaupun jawatankuasa pusat parti kesal dengan tindakan Kong ia faham bahawa Kong melakukan demikian kerana beliau tidak diberi layanan yang adil oleh kepimpinan Barisan Nasional negeri.

Jawatankuasa pusat menerima penjelasan Gerakan Sabah kenapa Kong berkecuali daripada mengundi terhadap pindaan enakmen perhutanan pada persidangan Dewan Undangan Negeri 17 Jun lepas, katanya pada satu persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat parti selama tiga jam di sini.

"Sebagai cawangan baru di negeri itu, kami telah menasihatkan mereka bahawa di masa hadapan, mereka mesti merujuk kepada pemimpin peringkat kebangsaan khususnya sebelum membuat keputusan sedemikian," katanya.

Dr Lim berkata keadaan yang tidak menentu melanda Gerakan negeri itu selepas Kong dipecat sebagai timbalan pengerusi Badan Bertindak Kudat, sebuah jawatankuasa yang bertanggungjawab terhadap pembangunan di Kudat.

Apabila kepimpinan baru Sabah mengambil alih Kementerian Kewangan Sabah telah mengambil alih tugas badan bertindak itu tanp menyebut nama Ketua Mentrei Datuk Yong Teck Lee.

"Tiada semangat Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan negeri yang baru, khususnya dengan tindakannya menindas perkembangan Gerakan di Sabah sebagai satu daripada sebab mengapa Gerakan negeri bertindak sedemikian," kata Dr Lim.

Di samping itu, beliau berkata: "Kerana kurangnya penjelasan mengenai pindaan itu dan layanan buruk oleh kepimpinan BN Sabah telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan anggota Gerakan dan satu-satunya pilihan wajar yang boleh diambil oleh Kong ialah dengan tidak mengundi pada persidangan itu."

"Saya akan menjelaskan keadaan itu dan tindakan oleh Gerakan Negeri Sabah kepada kepimpinan BN kebangsaan," kata beliau.

"Kepimpinan BN negeri yang baru perlu faham dengan keadaan sekarang dan harus berusaha mengatasi masalah itu dengan anggota-anggota Gerakan Sabah," kata beliau.

Sejumlah 44 anggota Dewan Undangan Negeri mengundi menyokong rang undang-undang pindaan Enakmen Perhutanan yang menghadkan kuasa ketua menteri, enam menentang, satu tidak mengundi manakala tiga tidak hadir.

Di samping Kong, wakil rakyat BN lain yang menentang rang undang-undang itu ialah ketua penerangan Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar Bersatu) Jahid Jahim yang telah digantung dan dipecat daripada kesemua jawatan parti yang dipegangnya.

Pengerusi BN Sabah, Yong berkata minggu lepas bahawa tindakan sewajarnya akan diambil terhadap dua wakil rakyat yang tidak menyokong pindaan itu.

Dr Lim juga berkata pemilihan bagi kesemua 1,070 cawangan parti itu di seluruh negara berjalan lancar tanpa banyak masalah.

Sejumlah 1,312 perwakilan dijangka menghadiri perhimpunan parti peringkat kebangsaan pada 13 dan 14 Sept yang akan dirasmikan oleh Perdana

Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA  
YBK MZ RON